



22 MAY, 2023

## Cuaca panas: FAMA bantu usahawan tani

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 1



**ABDUL Rashid Bahri (berdiri, lima dari kiri) bersama usahawan yang menerima bantuan pada Program Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan Negeri Terengganu di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA**

## Cuaca panas: FAMA bantu usahawan tani

**KUALA TERENGGANU:** Usahawan tani di negeri ini yang berdepan masalah pemasaran produk pertanian berikutan cuaca panas ketika ini perlu tampil untuk mendapatkan bantuan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya mempunyai banyak kaedah untuk membantu mereka

memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani, Jualan Agro Madani dan outlet peruncitan FAMA di seluruh negara.

Menurutnya, FAMA sentiasa membantu usahawan-usahawan tani yang memerlukan tanpa mengira musim banjir atau musim panas kerana bantuan yang disediakan terbuka sepanjang masa.

"Malah, apa sahaja masalah yang dibangkitkan usahawan tani kita akan cuba selesaikan,

jumpa mereka untuk mengetahui punca, kita ada pelbagai solusi penyelesaian.

"Setakat ini, kita dah selesaikan banyak isu-isu yang dibangkitkan usahawan tani termasuk di media sosial antaranya Johor, Selangor Negeri Sembilan dan Terengganu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan Negeri Terengganu di sini, semalam.